

— Untuk seimbangkan kedudukan kaum

Masalah Pulau Pinang diberi perhatian—Dr. M

6 MAC 1978

PULAU PINANG, Ahad — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed berkata hari ini Kerajaan Pusat mengambil perhatian sepenuhnya bagi mengatasi masalah Pulau Pinang supaya kedudukan semua kaum di negeri ini dapat diseimbangkan.

Beliau menegaskan bagi

mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Pusat sedia mendapatkan nasihat serta pandangan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata demikian semasa merasmikan perayaan Umno ke-32 tahun anjuran Umno Bahagian Jelutong di Stadium Bandaraya hari ini.

Ketibaan beliau dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah disambut dengan meriah oleh 2,000 orang ahli Umno.

Beliau memeriksa satu per-

barisan ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno. Satu perarakan mengarak bendera Umno dan bacaan sajak telah diadakan dalam suasana penuh semangat.

Turut hadir Ketua Menteri Pulau Pinang Dr. Lim Chong Eu selaku pengerusi Barisan Nasional negeri itu.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga selaku Timbalan Presiden Umno berkata, Kerajaan Pusat telah menyediakan satu peruntukan untuk membantu orang-orang Melayu Pulau Pinang meningkatkan ekonomi mereka.

Bagaimanapun beliau mengingatkan mereka bersiap sedia melengkapkan diri sebelum bantuan itu diberi.

Katanya, "kita harus sedar sebarang rancangan tidak akan mencapai kejayaan dalam masa yang singkat."

Beliau menegaskan masalah yang dihadapi oleh Bumiputera Pulau Pinang tidak akan dapat diatasi jika masalah tersebut dibiarkan kepada mereka sahaja menyelesaikannya.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata kegigihan mestilah wujud di kalangan Bumiputera di sini yang berusaha untuk meningkatkan ekonomi mereka.

Ini adalah selaras dengan cita-cita perjuangan Umno yang mahukan ahli-ahlinya mencapai kejayaan dalam segala bidang.

Menyentuh tentang perayaan Umno-Dr. Mahathir berkata perayaan ulang tahun Umno ke-32 bukan sahaja untuk membaca ikrar tetapi yang pentingnya ialah memahami perjuangan Umno sejak ditubuhkan.

Katanya, kita harus berwaspada bahawa Umno ditubuhkan sedemikian rupa ialah untuk bertindak mengukuhkan kedudukan parti.

Beliau lalu menasihatkan ahli-ahli Umno supaya mengetahui perlembagaan parti agar mereka tidak bertindak di luar perlembagaan parti.

Beliau menegaskan perpaduan orang-orang Melayu hanya boleh tercapai melalui Umno.

Beliau membidas golongan yang menuduh Umno tidak mengambil perhatian berat terhadap agama Islam dan soal kerohanian dan mensifatkan tuduhan tersebut tidak benar.

Sebaliknya ujar beliau, "orang yang melemparkan tuduhan itu tidak berbuat sesuatu untuk kepentingan agama tetapi hanya pandai bercakap sahaja."

Dr. Mahathir membidas sebuah parti pilitik orang Melayu yang menganggap kemerdekaan negara dicapai setengah masak tetapi tegasnya mereka kini sedang berusaha merebut kuasa.